



CAWANGAN PERLIS

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Pentadbiran secara **Tetap** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis**.

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	PENOLONG PEGAWAI KEBUDAYAAN	B5	PENOLONG PEGAWAI KEBUDAYAAN	RM1,650.00	RM6,620.00

SYARAT LANTIKAN SKIM PERKHIDMATAN

PENOLONG PEGAWAI KEBUDAYAAN (GRED B5)

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (iii) Sijil Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,650.00); atau

- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred B5: RM1,893.00)

- (d) (i) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam **bidang kebudayaan** serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan Pentadbiran Universiti Teknologi MARA** dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis <https://perlis.uitm.edu.my/>
2. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN BENAR** dari sijil asal:
 - (a) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
 - (b) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - (c) Diploma (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci) : Surat Pengesahan Senat Universiti perlu dikepilkan sekiranya belum menghadiri Istiadat Konvokesyen
 - (d) Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik (MQA/MQR) : bagi setiap peringkat kelayakan akademik
 - (e) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/ penetapan gaji
 - (f) Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
3. Nyatakan jawatan yang dipohon di penjuru atas **sebelah kiri sampul surat permohonan**.
4. Borang yang tidak lengkap dan permohonan calon dari jabatan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan **TIDAK akan diproses**.
5. Hanya permohonan yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
6. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
7. Pemohon-pemohon mestilah **bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Perlis**.

Tarikh Tutup Permohonan pada : **27 Januari 2026 (Selasa)**

Kemukakan permohonan kepada :



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PERLIS
02600 ARAU, PERLIS.
NO.TEL: (04- 9882000 / 2204 / 2207 / 2210)**

Tarikh Iklan : 08 Januari 2026